



# MODUL PENDIDIKAN SIVIK DALAM SEJARAH

## Tajuk: Mempertahankan Keutuhan Negara

**Nilai Teras:** Kasih sayang

**Masa:** 1 jam

**SK:** 7.2 Pentadbiran Negeri-negeri Selat.

**SP:** K7.2.6 Menghuraikan kepentingan pentadbiran yang sistematis dalam memajukan negara.

### Objektif:

Pada akhir pengajaran dan pembelajaran, murid akan dapat:

1. Menerangkan tiga cara mempertahankan nama baik negara.
2. Mengekspresikan perasaan bangga kerana menjadi rakyat Malaysia.
3. Mengamalkan sikap rela berkorban untuk negara.

### Aktiviti Literasi Sivik : Set induksi

1. Guru berbincang dengan murid tentang pembentukan Negeri-negeri Selat yang telah dipelajari.
2. Perbincangan dikaitkan dengan keberanian untuk mempertahankan nama baik negara.

### Aktiviti Literasi Sivik 1

1. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
2. Setiap kumpulan membincangkan cara yang boleh dilakukan untuk mempertahankan nama baik negara.
3. Setelah tamat tempoh perbincangan, seorang wakil dilantik daripada setiap kumpulan.
4. Wakil setiap kumpulan akan bergilir-gilir duduk di hadapan kelas untuk menjawab sebarang soalan yang dilontarkan oleh murid lain mengenai cara kumpulan mereka mempertahankan nama baik negara.

### Aktiviti Literasi Sivik 2

1. Setiap kumpulan perlu menghasilkan sebuah sajak.
2. Sajak bertemakan, "Aku bangga menjadi rakyat Malaysia".
3. Setelah selesai, setiap kumpulan perlu mempersembahkan hasil nukilan sajak mereka di hadapan kelas secara bergilir-gilir.

### Aktiviti Literasi Sivik 3

1. Guru mengemukakan soalan: Bagaimanakah anda mengamalkan sikap rela berkorban untuk negara?
2. Murid memberi jawapan secara lisan dan satu rumusan dibuat.

**Refleksi:** (Diisi oleh guru sebaik sahaja selesai pengajaran)